

26/07/2001

Benteng agama, budaya perlu segera diperkukuh

KETAHANAN ekonomi negara ini terbukti apabila berjaya menangani ancaman krisis mata wang dan serangan lain. Begitu juga dengan kesan kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat sebagaimana yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepelbagaian ekonomi negara ini menjadikan ia tidak bergantung hanya kepada sektor elektronik semata-mata. Namun ekonomi negara kita belum sampai ke tahap merdeka sepenuhnya dan terpaksa bergantung kepada negara lain, terutama kepada pelaburan asing.

Bagaimana pula ketahanan budaya dan cara hidup kita yang berteraskan agama? Satu demi satu pertahanannya roboh. Pelbagai fenomena yang berlaku akhir-akhir ini memperlihatkan kerapuhan ketahanan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia, terutama umat Islam.

Masalah dadah yang belum menampakkan bayangan penyelesaian ditambah pula pelbagai kejahatan sosial dan jenayah juvana. Paling akhir kita didedahkan dengan isu Black Metal yang memperlihatkan dengan jelas betapa rapuhnya benteng pertahanan agama dan budaya di kalangan generasi muda. Persoalannya mengapakah berlaku kerapuhan ini?

Persoalan ini mengajak kita berfikir kembali mengenai acuan pembangunan negara. Adakah dasar perseimbangan kemajuan material, spiritual dan budaya benar-benar dilaksanakan ataupun dasar itu hanya tercatat indah di atas kertas tanpa dilaksanakan dalam realiti pembangunan negara kita sehingga pembangunan mengikut acuan sendiri yang kita inginkan rompong dan sumbing.

Negara ini memiliki falsafah pendidikan yang tinggi dari segi nilai dan maknanya yang menekankan pembinaan insan bersepadu. Sejauh manakah falsafah pendidikan yang luhur ini difahami dan dihayati dalam proses pendidikan di negara ini. Adakah sebarang usaha yang serius untuk melahirkan guru dan pentadbir yang mampu dan bersedia menterjemahkan falsafah ini dalam arena pendidikan.

Akta Pendidikan negara mewajibkan pendidikan Islam kepada pelajar beragama Islam dan pendidikan moral kepada pelajar bukan Islam. Masa yang diberikan untuk Pendidikan Agama dan Moral begitu lama iaitu sejak dari sekolah rendah sampailah kepada pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT). Jika kita mengambil kira masalah yang dihadapi kumpulan yang terbabit dengan Black Metal, mereka ini telahpun mengalami proses pendidikan agama atau moral tidak kurang daripada sembilan tahun, tetapi mengapakah proses pendidikan agama yang panjang ini gagal membina benteng ketahanan akidah dan akhlak yang kukuh?

Negara kita mempunyai Kementerian Belia dan Sukan yang dibentuk khusus untuk menangani dan memberi bimbingan kepada belia, terutama golongan remaja tetapi apa yang berlaku menteri yang bertanggungjawab lebih memberi perhatian kepada sukan, walaupun diketahui masalah belia perlu ditangani secara lebih serius.

Negara kita juga mempunyai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Keteguhan budaya adalah penting dalam mendukung pembangunan seimbang yang akan memantapkan masyarakat dan melahirkan pembangunan bersepadu mengikut acuan sendiri yang dihasratkan. Tetapi, kementerian berkenaan nampaknya memberi tumpuan kepada kemajuan pelancongan semata-mata dan tidak kepada pembangunan budaya. Bahkan konsep budaya dan hala tujunya masih kabur. Pihak yang bertanggungjawab di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sendiri tidak pernah mengemukakan gagasan pelaksanaan untuk melahirkan budaya nasional. Apalagi untuk menjayakan pelaksanaan dasar budaya nasional yang telah lama diperluaskan.

Jika kita ke negara Arab, kita akan mendengar lagu Arab dengan irama padang pasirnya. Jika kita ke India, kita akan didengarkan dengan lagu irama Hindustannya. Bahkan jika ke Sepanyol sekalipun, kita dapat merasai jati diri daripada irama lagu dan nyanyian mereka. Tetapi tidak di negara kita. Irama Melayu yang menjadi teras kepada nyanyian masyarakat kita dengan lirik yang halus dan beradab sudah jarang kedengaran. Kalau dulu lagu Allahyarham Tan Sri P Ramlee dengan irama tersendiri yang bercita rasa masyarakat Melayu yang halus budi dan bahasanya berkumandang di udara.

Kini udara kita dipenuhi irama rock dan rap. Lebih malang lagi remaja kita lebih berminat lagu hard rock dengan lirik yang memuja syaitan dan iblis. Jelas, bidang kesenian kita yang luhur sudah dicerobohi dan mendapat kerjasama stesen televisyen dan radio.

Pentadbiran agama di negara ini masih berdepan dengan pelbagai masalah penyelarasan yang membentuk pelbagai usaha untuk menjadikan pentadbiran agama lebih berkesan. Kuasa agama yang tidak memusat tidak patut dijadikan halangan untuk penyelarasan yang lebih aktif jika pihak yang bertanggungjawab mengamalkan sikap keterbukaan dan bersedia bekerjasama serta meletakkan kepentingan agama dan masyarakat Islam di atas segala kepentingan lain.

Pemimpin politik tidak kurang memperlihatkan keanehan mereka sehingga benteng agama dan budaya bangsa menjadi begitu rapuh. Saban minggu arena politik digamatkan dengan ceramah politik yang melanggar batasan adab dan kesopanan. Taksub kepartian menghangatkan suasana. Lalu terhambur maki hamun dan fitnah. Asap tebal dari kecemaran lidah dikuasai nafsu turut disedut oleh anak muda dan remaja kita sehingga terjadilah apa yang dimaksudkan oleh pepatah, bapa borek anak rintik, guru kencing berdiri murid kencing berlari.

Agama dan budaya dalam masyarakat kita berkembang maju dan membangun, tetapi mengapakah lantai, tiang, rasuk, dinding dan atapnya begitu rapuh? Bahan apakah yang digunakan untuk membangun kehidupan beragama, budaya dan cara hidup masyarakat kita?

Sesungguhnya, kita perlu mengkaji dengan mendalam bahan yang digunakan untuk membangun budaya bangsa. Kita tidak lagi boleh memandang ringan pentingnya membina budaya tinggi berteraskan ajaran agama bagi membina tamadun bangsa yang sebenarnya.

Bidang pendidikan memainkan tugas penting bagi membentuk budaya tinggi dan kukuh. Falsafah pendidikan hendaklah difahami dengan mendalam dan diterapkan dalam proses pendidikan dengan serius.

Matlamat pendidikan tidak hanya semata-mata untuk kecemerlangan akademik, tetapi kecemerlangan akademik harus ditegakkan di atas keperibadian yang luhur dan kekuatan sahsiah yang mampu menghadapi cabaran. Pendidikan agama dan akhlak tidak seharusnya dijadikan hafalan. Yang lebih penting ialah membangkitkan kesedaran mengenai erti kehidupan di dunia dan kesudahannya di akhirat. Pendidikan agama harus menekan tanggungjawab terhadap sesama manusia dan Tuhan yang menciptanya.

Perlu ada dasar kesenian dan hiburan yang menampilkan jati diri. Dasar ini perlu dihayati semua kementerian dan agensi berkenaan yang bertanggungjawab mempopularkan lagu dan hiburan, terutama Jabatan Penyiaran dan pihak berkuasa tempatan yang mengeluarkan permit untuk pelbagai pertunjukan dan konsert. Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga patut memantau penjualan dan penyebaran pelbagai bentuk disket, VCD, kaset dan lain-lain yang mengandungi bahan penyiaran dan hiburan yang bertentangan dengan agama dan nilai budaya bangsa.

Pendeknya, perlu ada kawalan rapi terhadap kemasukan bahan hiburan dan lain-lain yang diimport atau bahan seumpama yang dikeluarkan di negara ini. Tindakan seumpama ini adalah langkah segera berbentuk jangka pendek.

Untuk jangka panjang perlu dirangka dasar baru pembangunan agama dan budaya yang memenuhi cita-cita membentuk acuan sendiri bagi pembangunan negara keseluruhannya.

Tanpa dasar baru pembangunan budaya dan program pelaksanaannya yang teratur, diikuti pelaksanaan yang serius, langkah jangka pendek kurang memberi kesan yang bermakna dan benteng agama dan budaya terus rapuh untuk dilanda oleh kemasukan budaya asing, terutama dari Barat